

Headline	PKS Bumiputera digesa mendaftar dengan DIDR		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	18 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 353
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,058



PKS Bumiputera digesa mendaftar dengan DIDR

KOTA KINABALU: Usahawan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera di negeri ini digesa untuk mendaftar dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Negeri atau Jabatan Pembangunan Industri & Penyelidikan (DIDR).

Pembantu Menteri, Azhar Matussin berkata ianya untuk terus membangunkan usahawam PKS, yang merupakan antara penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara.

Beliau berkata melalui pendaftaran itu, usahawan PKS akan disediakan dengan latihan, bimbingan dan bantuan kewangan untuk meningkatkan kebolehan pasaran dan perindustrian mereka.

"Usahawan PKS juga akan diberikan pendedahan kepada peluang perniagaan yang ada di dalam dan luar negara

menerusi ekspo perniagaan atau misi perdagangan," katanya dalam satu sidang media selepas merasmikan program Semarak Merdeka 2019 di Kampung Usang Sepanggat, Anjung Melawa di sini, Sabtu.

Program itu dianjurkan oleh Kelab Usahawan Bumiputera Sabah untuk membolehkan usahawan kecil dan sederhana memasarkan produk mereka terus kepada orang ramai.

Sementara itu, Azhar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Karambunai, berkata Anjung Melawa berpotensi menjadi salah satu destinasi pelancongan di negeri ini.

Beliau mahu menubuhkan pasaran petani di sana dan telah bertemu dengan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk membincangkan

perkara itu dan berharap dapat mendapatkan maklum balas tidak lama lagi.

"Beliau bersetuju untuk menubuhkan pasaran petani dan telah menghantar seorang wakil untuk memantau tempat itu.

"Saya berharap dengan kewujudan pasar, ia membolehkan usahawan PKS untuk menghasilkan produk mereka sendiri dan menambah pendapatan mereka," katanya.

Azhar berkata bahawa Kerajaan Negeri mensasarkan 100 usahawan eksport setiap tahun yang berpotensi menjadi kompetitif di pasaran antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya bagi mencapai matlamat tersebut, ia memerlukan usahawan untuk berusaha keras dan sanggup mengorbankan masa dan wang ringgit mereka. - Ottey Peter